

KEMPEN ALLIANZ “SHIELD AND WIN” (“KEMPEN”) TERMA DAN SYARAT

Kempen Allianz “SHIELD AND WIN” dianjurkan oleh Allianz General Insurance (Company) Malaysia Berhad (“Penganjur”) dan tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini.

1. TEMPOH KEMPEN

Kempen ini akan berlangsung dari 1 Januari 2023 hingga 31 Mac 2023 (“Tempoh Kempen”). Walau apa pun yang disebutkan di atas, Penganjur berhak mengubah Tempoh Kempen tanpa notis terdahulu.

2. KELAYAKAN

Untuk layak menyertai Kempen ini, kriteria berikut perlu dipatuhi:

- a) peserta mestilah individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dan merupakan pemegang polisi yang diinsuranskan di bawah polisi aktif Allianz Shield Plus yang dikeluarkan kepada individu (“Polisi ASP”);
- b) peserta mestilah memberikan nombor telefon bimbit and emel yang sah semasa membeli atau membaharui Polisi ASP; dan
- c) tarikh pengeluaran Polisi ASP hendaklah dalam Tempoh Kempen.

Individu yang memenuhi kriteria di atas akan dianggap sebagai peserta yang layak dan akan didaftarkan secara automatik dalam Kempen ini (“Peserta Yang Layak”), tertakluk kepada Terma dan Syarat Kempen.

3. PROSEDUR PENYERTAAN DAN TERMA DAN SYARAT KEMPEN

- a) Kempen ini tidak boleh digunakan untuk:
 - i) polisi di mana pemegang polisi adalah entity korporat/kumpulan (cth., syarikat, persatuan, persatuan, dll); dan
 - ii) pekerja kumpulan syarikat Allianz Malaysia, sama ada bekerja secara tetap atau kontrak dan ahli keluarga terdekat mereka.
- b) Peserta Yang Layak akan diperuntukkan penyertaan ke dalam Kempen apabila mereka membeli atau membaharui Polisi ASP mereka semasa Tempoh Kempen.
- c) Dengan membeli atau membaharui Polisi ASP, Peserta Yang Layak akan diperuntukkan bilangan penyertaan yang setara seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Polisi/Pelan	Penyertaan
Pelan Individu	1
Pelan Keluarga	2 setiap orang yang diinsuranskan
Manfaat Pilihan (satu atau lebih)	1 tambahan untuk setiap manfaat

- d) Penyertaan Peserta Yang Layak akan dimasukkan secara automatik ke dalam Kempen melainkan Peserta Yang Layak memberitahu Penganjur dengan nyata bahawa dia tidak mahu menyertai Kempen ini.

4. PEMILIHAN PEMENANG, PENGUMUMAN DAN PENEBUSAN HADIAH

- a) Peserta Yang Layak yang memenuhi kriteria kelayakan dan semua prosedur penyertaan seperti yang dinyatakan di atas akan diperuntukkan penyertaan untuk menyertai Kempen ini dan akan disenarai pendek oleh Penganjur menggunakan alat rawak (“Para Peserta

Yang Disenarai Pendek Untuk Hadiah Bulanan” atau, secara individu, **“Peserta Yang Disenarai Pendek Untuk Hadiah Bulanan”**).

- b) **Peserta Yang Layak**, termasuk **Para Peserta Yang Disenarai Pendek Untuk Hadiah Bulanan** yang tidak dipilih sebagai **Pemenang** dalam cabutan bulan semasa akan layak secara automatik untuk disenarai pendek semula dalam cabutan bulan berikutnya semasa **Tempoh Kempen**.
- c) Keputusan **Penganjur** berkaitan dengan setiap aspek **Kempen** ini termasuk tetapi tidak terhad kepada jenis hadiah dan **Para Peserta Yang Disenarai Pendek Untuk Hadiah Bulanan** akan dianggap muktamad dan konklusif dan tiada rayuan, pertanyaan dan/atau surat-menyurat akan dilayan.
- d) Butiran berkaitan dengan hadiah bulanan yang akan diberikan adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Bulan	Tarikh/Bulan Pengeluaran Polisi	Tarikh Peserta Yang Disenarai Pendek akan dimaklumkan	Hadiah
Januari 2023	1 Januari sehingga 31 Januari 2023 (“Januari”)	12 Februari sehingga 25 Februari 2023	2 Apple Watch Series 8 GPS 41mm 2 Nintendo Switch OLED 2 Dyson Airwrap™ multi-styler 2 iPhone 14 Pro (128GB) 2 iPad Air Wi-Fi (64GB) 2 PlayStation 5 (DISC VERSION) 2 Thermomix® TM6 2 Seiko Limited Edition Watch SPB253J1
Februari 2023	1 Januari sehingga 28 Februari 2023 (“Februari”)	14 March sehingga 25 March 2023	2 Apple Watch Series 8 GPS 41mm 2 Nintendo Switch OLED 2 Dyson Airwrap™ multi-styler 2 iPhone 14 Pro (128GB) 2 iPad Air Wi-Fi (64GB) 2 PlayStation 5 (DISC VERSION) 2 Thermomix® TM6 2 Seiko Limited Edition Watch SPB253J1
March 2023	1 Januari sehingga 31 March 2023 (“March”)	14 April sehingga 25 April 2023	2 Apple Watch Series 8 GPS 41mm Sport Band – Regular 2 Nintendo Switch OLED 2 Dyson Airwrap™ multi-styler 2 iPhone 14 Pro (128GB) 2 iPad Air Wi-Fi (64GB) 2 PlayStation 5 (DISC VERSION) 2 Thermomix® TM6 2 Seiko Limited Edition Watch SPB253J1

- e) Enam belas (16) **Peserta Yang Layak** akan disenarai pendek setiap bulan.
- f) Setiap **Peserta Yang Layak** hanya berhak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja sepanjang **Kempen**.
- g) **Para Peserta Yang Disenarai Pendek Untuk Hadiah Bulanan** akan terlebih dahulu menerima SMS yang memaklumkan mereka bahawa mereka telah disenarai pendek untuk cabutan bulanan yang semasa di bawah Kempen dan seterusnya, mereka akan menerima

borang melalui emel daripada AGIC.Campaign@allianz.com.my ("**Borang**") di mana mereka akan dikehendaki untuk:

- (1) memberikan nama penuh mereka, nombor kad pengenalan (NRIC). dan butiran untuk dihubungi untuk tujuan pengesahan;
 - (2) menjawab dengan betul soalan yang ditanya oleh **Penganjur** ("**Soalan**");
 - (3) pilih hadiah pilihan mereka; dan
 - (4) pilih pejabat cawangan Allianz pilihan mereka untuk kutipan hadiah.
- h) **Borang** yang lengkap hendaklah diterima oleh **Penganjur** dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh e-mel **Penganjur** kepada **Para Peserta Yang Disenarai Pendek Untuk Hadiah Bulanan**, jika tidak, **Penganjur** berhak untuk membatalkan kelayakan **Para Peserta Yang Disenarai Pendek Untuk Hadiah Bulanan**.
- i) Sebarang maklumat yang tidak lengkap atau tidak tepat dalam **Borang** juga akan menyebabkan **Para Peserta Yang Disenarai Untuk Pendek Hadiah Bulanan** dilucutkan kelayakan secara automatik dari Kempen ini.
- j) **Para Peserta Yang Disenarai Pendek Untuk Hadiah Bulanan** yang telah disahkan dan telah menjawab **Soalan** dengan betul akan dianggap sebagai pemenang untuk bulan berkenaan ("**Pemenang Bulanan**") dan akan dimaklumkan secara rasmi oleh **Penganjur** melalui e-mel.
- k) **Penganjur** akan menghubungi **Pemenang Bulanan** secara berasingan melalui nombor telefon bimbit mereka yang telah disahkan sebaik sahaja hadiah mereka sedia untuk dikutip dan hadiah tersebut mesti dikutip dari cawangan Allianz (yang telah pun dipilih dalam **Borang**) dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh **Penganjur** menghubungi **Pemenang Bulanan**.
- l) Kegagalan mengutip hadiah dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan hadiah tersebut dilucutkan.
- m) Semua hadiah adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat dan sementara stok masih ada dan akan ditentukan oleh **Penganjur** berdasarkan **Borang** yang telah lengkap diterima daripada **Pemenang Bulanan**.
- n) Bagi tujuan kutipan hadiah, **Pemenang Bulanan** akan disahkan melalui Kad Pengenalan mereka.
- o) Sebagai alternatif, **Pemenang Bulanan** boleh melantik wakil untuk mengutip hadiah bagi pihaknya. Wakil yang dilantik hendaklah menyediakan perkara berikut semasa kutipan hadiah:
 - (1) Surat kebenaran yang ditandatangani oleh **Pemenang Bulanan**;
 - (2) Salinan Kad Pengenalan **Pemenang Bulanan**; dan
 - (3) Kad Pengenalan wakil yang dilantik.
- p) Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk mengutip hadiah (contohnya, pengangkutan ke cawangan Allianz) hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh **Pemenang Bulanan**.
- q) **Penganjur** tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau salah kutipan hadiah.
- r) Nama penuh **Pemenang Bulanan** dan empat digit terakhir nombor kad pengenalan atau nombor pasport mereka akan diumumkan di Halaman Facebook Allianz Malaysia pada hari bekerja keduapuluh (20) bulan yang berikutnya.
- s) Hadiah di bawah Kempen ini tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai.

5. SYARAT- SYARAT YANG LAIN

- a) Dengan menyertai **Kempen** ini, **Peserta Yang Layak** dengan ini bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat ini, dan bersetuju bahawa sebarang keputusan yang dibuat oleh **Penganjur** berkenaan dengan **Kempen** ini adalah akhir dan muktamad.
- b) **Penganjur** berhak dan mempunyai budi bicara mutlak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung **Tempoh Kempen** atau mengubah terma dan syarat tanpa sebarang

notis atau alasan terlebih dahulu. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, **Peserta Yang Layak** dengan ini bersetuju bahawa mereka tidak berhak mendapat sebarang bentuk pampasan yang timbul daripada sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, penamatan, penggantungan atau perubahan tersebut oleh **Penganjur**.

- c) **Penganjur** mempunyai hak mutlak untuk membatalkan kelayakan **Peserta Yang Layak** yang gagal mematuhi terma dan syarat ini. **Penganjur** juga berhak untuk memadamkan, mengeluarkan, tidak mempertimbangkan, atau menolak mana-mana penyertaan yang dianggap tidak wajar, tidak sesuai atau menyinggung perasaan.
- d) Sekiranya **Pemenang Bulanan** memilih untuk tidak menerima hadiah, mereka akan menafikan semua hak, kepentingan dan tuntutan untuk hadiah tersebut dan hadiah tersebut akan diuruskan mengikut budi bicara mutlak **Penganjur**.
- e) **Penganjur** tidak akan bertanggungjawab ke atas terma penggunaan khusus yang terpakai bagi hadiah yang berkenaan, atau faedah dan perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga di bawah **Kempen** ini.
- f) **Penganjur** tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang dialami oleh **Peserta Yang Layak**, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang timbul daripada atau berkaitan dengan **Kempen** ini.
- g) Pemprosesan mana-mana data peribadi yang diberikan menurut **Kempen** ini akan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- h) Bagi sebarang pertanyaan berkaitan **Kempen** ini, sila hubungi Allianz melalui Live Chat di allianz.com.my, atau e-mel di customer.service@allianz.com.my atau di 1300 22 5542, Isnin hingga Jumaat dari 8.00 pagi hingga 8.00 malam.
- i) Terma dan syarat di sini akan ditadbir dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.